

## ATHLETICS

# Duo sprint into 100m final

**SPRINTERS** Badrul Hisyam Manap and Khairul Hafiz Jantan both qualified for the boys' 100m final at the Asian Junior Championships in Ho Chi Minh City yesterday.

This is the first time that Malaysia have two sprinters in the boys' final in the tournament's history with hopes high of either Badrul or Khairul winning a first medal for the country in the event.

Malaysia have never won a medal in the boys' sprint since the meet's inception in 1986.

Badrul qualified for today's final after coming third in his semi-final race in 10.44 seconds while Khairul won his semi-final in a time of 10.60 at the Thong Nhat Stadium.

In the morning's first round heats, Badrul clocked 10.2s and Khairul ran 10.3 but the races were all hand-timed and cannot be considered for record purposes.

Also making it through to today's final is 2015 Sea Games bronze medalist Shereen Samson Vallabuoy, who finished second in her 400m semi-final race in 56.06 seconds, some way off her personal best of 54.26.



**Badrul Hisham Manap (left) and Khairul Hafiz Jantan.**

In other events, Lee Yan Ru finished sixth in the boys 10,000m walk in a time of 1:02:56.34s with China's Wang Wenjing crossing the finish line in 50:23.89 to win gold.

Noor Eewan Syafiqah Sabri did

not get past the first round of the girls' 100m after finishing third in her heat in 12.28s seconds nor did Azreen Nabila Alias after timing 12.40 for fourth in her heat. **By Devinder Singh**

# Zamri pasang impian wakili Malaysia pada Sukan SEA Kuala Lumpur 2017

Oleh JALALUDDIN BAHARIN

PELUMBA berpengalaman negara, Mohd. Zamri Saleh sekali lagi mencuri tumpuan peminat sukan berbasikal negara selepas meraih gelaran juara Kebangsaan pada Kejohanan Lumba Basikal Kebangsaan (lebuh raya) di Bachok, Kelantan kelmarin.

Susulan kejayaan tersebut, pelumba Terengganu Cycling Team (TSG) berusia 33 tahun itu tanpa berselindung turut memasang impian menyarung jersi skuad kebangsaan pada Sukan SEA 2017.

"Alhamdulillah memang rezeqi saya pada hari ini (kelmarin) kerana niat saya untuk pakai jersi juara kebangsaan pada

tahun ini telah tercapai. Saya memang melakukan kayuhan bertenaaga seurus perlumbaan dimulakan sehingga ke garisan penamat.

"Pada mulanya saya berkayuh dalam kumpulan yang mempunyai kira-kira 10 pelumba, namun pada dua pusingan terakhir saya tekad untuk keluar dari kumpulan tersebut dan terus melakukan pecutan sehingga ke garisan penamat.

"Kejayaan ini merupakan bukti usia bukan penghalang untuk terus cemerlang dalam sukan. Saya berharap agar terpilih mewakili negara pada Sukan SEA 2017 kerana itu adalah salah satu sasaran utama saya.

"Memegang status sebagai

juara kebangsaan menjadikan peluang saya untuk menyarung jersi kebangsaan cerah kerana saya sudah melepasi salah satu syarat yang ditetapkan iaitu menjadi pelumba No. 1 negara," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Rakan pasukan, Mohd. Hariff Salleh serta Mohd. Shahrul Mat Amin masing-masing berjaya menamatkan perlumbaan di kedudukan kedua dan tiga pada perlumbaan sejauh 162 kilometer itu.

ZAMRI (tengah) dinobatkan sebagai juara kebangsaan 2016 selepas meraih podium pertama Kejohanan Lumba Basikal Kebangsaan di Bachok kelmarin.





Vivian-Khe Wei mara ke peringkat separuh akhir Terbuka Indonesia hari ini

# Magis beregu wanita kebangsaan

Oleh MUHAMMAD HELMEE RAMLI

**S**ELEPAS mengejutkan pasangan No.2 dunia dari Indonesia, Nitya Krishinda Maheswari-Greysia Polli pada aksi pusingan kedua Siri Super Premier Terbuka Indonesia 2016 di Jakarta kelmarin, beregu wanita negara, Vivian Hoo-Woon Khe Wei terus menampilkan aksi cemerlang apabila mara ke separuh akhir selepas menewaskan Awanda Anggia Shitta-Ni Ketut Mahadewi 21-14, 21-19, semalam.

Pasangan yang berada di ranking ke-20 dunia itu seolah-olah mendapat kekuatan daripada kemenangan kelmarin apabila mempamerkan aksi konsisten dengan menguasai permainan terutamanya pada set pertama apabila langsung tidak memberi

ruang buat pasangan tuan rumah itu untuk memimpin perlawanan.

Pada permulaan set pertama, kedua-dua pasangan terikat 2-2 sebelum Vivian-Khe Wei memperkemas corak permainan dan selesai mendahului 8-2 sebelum Anggia Shitta-Mahadewi cuba untuk merapatkan jurang, namun gagal untuk memintas pasangan negara sebelum akur dengan kekalahan 14-21.

Bagaimanapun, pada set kedua, perlawanan lebih seimbang apabila menyaksikan kedua-dua pasangan tidak dibezakan dengan jurang mata yang begitu besar, namun ternyata Vivian-Khe Wei bukan tandingan pemain tuan rumah apabila pasangan Malaysia itu mendahului 17-10.

Anak buah bimbingan Wong Pei Tty itu cemas seketika apabila pasangan



KHE WEI dan Vivian menewaskan Anggia Shitta-Mahadewi 21-14, 21-19 pada aksi suku akhir Terbuka Indonesia di Jakarta semalam.

Indonesia yang berada pada ranking ke-23 dunia itu berjaya merapatkan jurang 19-20, namun tuah lebih memihak kepada pa-

sangan negara apabila melengkapkan kemenangan berharga 21-14, 21-19 dalam tempoh 43 minit.

"Kami gembira kerana

KOSMO (M/S 01.)

4 JUN 2016

boleh menampilkan aksi yang kami mahukan. Ternyata, persiapan rapi yang kami lakukan untuk perlawanan ini membuahkan hasil. Mereka berjaya kejar pada set kedua kerana kami ubah kepada permainan yang lebih pantas, namun ia memberi kelebihan buat mereka.

"Kami cuba untuk mengekang serangan-serangan yang mereka lakukan dan berjaya bertahan dengan baik. Akhirnya, kesilapan mereka sendiri menghadihkan kemenangan kepada kami," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Menanti Vivian-Khe Wei pada aksi separuh akhir hari ini adalah pasangan China yang merupakan pilihan ketiga kejohanan serta gandingan No.3 dunia, Yu Yang-Tang Yuanting.

"Kami tahu mereka merupakan pasangan pili-

han pada kejohanan kali ini, namun kami bersedia untuk menentang mereka. Kami akan bermain seperti biasa. Bagaimanapun, saya dan Khe Wei akan cuba buat yang terbaik untuk melayakkan diri ke pentas final," ujarnya.

Sementara itu, jaguh perseorangan negara, Datuk Lee Chong Wei turut menempah slot ke separuh akhir menentang pemain tuan rumah, Ihsan Maulana Mustofa selepas lawannya di suku akhir, Wang Zhengming menarik diri pada set kedua.

Bagaimanapun, nasib berbeza menimpa gandingan beregu utama lelaki negara, Goh V Shem-Tan Wee Kiong apabila mereka ditunjukkan jalan keluar selepas tersungkur 18-21, 17-21 kepada pilihan kelima kejohanan dari China, Chai Biao-Hong Wei.



# Sarawak sudah sedia hadapi SUKMA ke-18

**Kuala Lumpur:** Walaupun masih mempunyai 47 hari saja lagi sebelum bermulanya edisi ke-18 Sukan Malaysia (SUKMA), Sarawak bersedia menerima kehadiran kontinjen selepas menguji venue pertandingan.

Pengarah Majlis Sukan Negeri Sarawak, Dr Ong Kong Swee yang juga Pengerusi Jawatankuasa Teknikal SUKMA Sarawak berkata sebanyak 15 jenis sukan sudah dianjurkan pada kejohanan Pra-Sukma secara berperingkat.

"Penganjuran Pra-Sukma penting bagi memastikan venue mengikut spesifikasi yang ditetapkan sambil kita menguji pegawai teknikal yang kita ada dan juga dari Semenanjung.

"Kita juga menguji sistem elektronik secara terperinci dalam 15 sukan ini. Diharapkan semuanya berjalan lancar ketika SUKMA nanti," katanya selepas majlis pengundian tujuh sukan yang mempertandingkan acara berpasukan SUKMA 2016 di Majlis Sukan Negara (MSN), semalam.

Katanya, tujuh venue baru dibina bagi SUKMA kali ini turut

dapat pengiktirafan sukan terbabit termasuk badminton, lawn bowl, petanque, akuatik, skuasy, menembak dan tenpin bowling.

## Amaran jangan tarik diri

"Kecuali skuasy yang sedikit lewat, semua sukan sudah memperoleh pengiktirafan termasuk pusat akuatik yang sudah memperoleh pengiktirafan daripada Persekutuan Renang Antarabangsa (FINA)," katanya.

Terdahulu, Timbalan Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Ab Jalil Abdullah memberi amaran kepada kontinjen negeri untuk tidak menarik diri pada saat akhir terutama sekali dalam acara berpasukan.

"Setiap pasukan sudah membayar deposit dan janganlah ada yang tarik diri selepas undian hari ini kerana kalau ada ia akan menyusahkan banyak pihak," katanya.

Ab Jalil berkata kes penarikan diri ada berlaku pada beberapa tahun lalu dan berharap ia tidak berulang di Sarawak nanti.

Oleh Jumiati Rosly



**Ab Jalil (kiri) bersama** Pengerusi Jawatankuasa Khas Teknikal SUKMA ke-18, Datuk Low Beng Choo membuat undian pasukan bola sepak negeri yang bertanding dalam temasya sukan itu, semalam.

# Chong Wei rampas ranking No-1 dunia

➔ Kejayaan separuh akhir Terbuka Indonesia bolehkannya pintas Chen Long dengan kelebihan 4,459 mata

Oleh Helmi Talkah  
helmi.talkah@bh.com.my

► Kuala Lumpur

J aguh perseorangan negara, Datuk Lee Chong Wei secara tidak rasminya kembali bergelar pemain nombor satu dunia susulan kejayaannya mara ke separuh akhir Terbuka Indonesia, semalam.

Dengan pemain nombor satu dunia ketika ini, Chen Long dari China menarik diri daripada kejohanan itu pada pusingan pertama, Chong Wei hanya perlu mara ke separuh akhir bagi kembali merampas status pemain nombor satu dunia selepas kehilangannya pada hujung 2014 susulan kes doping.

Ketika ini, Chong Wei, 34, mengahuni ranking nombor dua dunia dengan 88,953 mata, ketinggalan 3,241 mata di belakang Chen Long.

Namun, kejayaan mara ke separuh akhir membolehkan Chong Wei mengutip 7,700 mata sekali gus memadai untuk dia ditabalkan sebagai pemain nombor satu dunia menjelang kemaskini ranking terbaru yang akan dikeluarkan Persekutuan Badminton Dunia (BWF), Khamis ini tanpa perlu mengambil

Fakta  
nombor

92,194 MATA

dikumpul Cheng Long

2013

kali terakhir Chong Wei muncul juara Terbuka Indonesia

BERITA HARIAN (M/S. 68)

4 JUN 2016

kira sama ada dia bergelar juara atau tidak di Jakarta.

Situasi itu pastinya memberikan suntikan semangat buat Chong Wei dalam misi memburu pingat emas pertama Olimpik di Rio de Janeiro, Brazil, Ogos ini.

Jurulatih perseorangan lelaki negara, Hendrawan bagaimanapun enggan Chong Wei memikirkan mengenai perkara itu sebaliknya kekal fokus dalam persiapan menuju ke Olimpik.

## Tewaskan Zhengming

"Saya sendiri belum lagi fikir mengenai ranking dunia Chong Wei atau apa. Sekarang fokus saya adalah untuk mempersiapkan Chong Wei bagi menghadapi Olimpik, perbaiki apa yang kurang sebelum temasya itu bermula.

"Banyak lagi yang perlu dilakukan, saya harap Chong Wei juga kekal fokus," kata Hendrawan ketika dihubungi, semalam.

Chong Wei yang juga dua kali memenang perak Olimpik mara ke separuh akhir selepas menewaskan pemain China, Wang Zhengming 21-16, 9-2 dalam aksi suku akhir, semalam (Zhengming tarik diri kerana masalah kecederaan hamstring) dan akan menentang

binatang muda Indonesia, Ihsan Maulana Mustofa bagi perebutan tempat ke final, hari ini.

Ihsan mara selepas mengetepikan cabaran pemain England, Rajiv Ouseph 17-21, 21-12, 21-12 dalam satu lagi aksi suku akhir.

"Ihsan seorang pemain muda yang semakin meningkat naik, jadi Chong Wei tidak boleh pandang mudah. Biarpun ramai yang mengatakan peluang Chong Wei untuk jadi juara cerah, namun saya lebih suka fokus satu demi satu perlawanan.

"Ihsan akan bermain di hadapan penonton sendiri, jadi dia pasti lebih yakin dan mampu melakar kejutan...Chong Wei perlu berhati-hati," kata Hendrawan.

Sementara itu, beregu wanita negara, Vivian Hoo-Woon Khe Wei turut mengesahkan tempat ke separuh akhir selepas menewaskan Anggia Shitta Awanda-Mahadewi Istirani Ni Ketut dari Indonesia 21-14, 21-19 dan akan menentang pilihan ketiga kejohanan dari China, Yu Yang-Tang Yuanting.

Nasib bagaimanapun tidak menyoal beregu lelaki, Goh V Shem-Tan Wee Kiong apabila tewas di tangan pasangan China, Chai Biao-Hong Wei 21-18, 21-17.





ABDUL Jalil (kiri) bersama Pengerusi Jawatankuasa Khas Teknikal SUKMA XVIII 2016 Datuk Low Beng Choo membuat undian.

## Kontinjen tak boleh tarik diri saat akhir

**Kuala Lumpur:** Semua kontinjen negeri yang menyertai acara berpasukan di Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak tidak boleh menarik diri pada saat akhir ketika kejohanan berlangsung dari 17-31 Julai.

Timbalan Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN) Datuk Abdul Jalil Abdullah berkata pihaknya tidak mahu perkara itu berlaku kerana semua pasukan yang mendaftar sudah pasti bersedia dan melakukan persiapan rapi.

"Setiap pasukan yang mendaftar perlu membayar deposit. Jangan ada penarikan diri selepas undian dilakukan kerana jika berlaku juga, kami perlu melakukan undian semula.

"Ini akan menjejaskan keseluruhan pertandingan SUKMA termasuk dari segi pengurusan. Perkara ini pernah berlaku pada sebelum ini. Saya harap kali ini penarikan diri tidak berlaku," katanya selepas majlis undian acara berpasukan SUKMA Sarawak di Auditorium I MSN, semalam.

Mengenai tindakan jika masih ada yang menarik diri, Jalil tidak menolak ke-

mungkinan mengenakan denda biarpun sehingga kini MSN tidak pernah melakukannya.

Acara berpasukan bagi temasya dwitahunan itu adalah bola sepak, hoki, petanque, bola tampar, badminton, tenis dan sepak takraw.

Bagi pertandingan bola sepak, hanya 13 pasukan bertanding kerana Kelantan tidak mengambil bahagian.

Jalil berkata Kelantan memaklumkan kepada MSN sejak awal lagi mengenai keputusan tidak bertanding dalam acara itu kali ini.

Abdul Jalil berkata Sarawak sudah mengadakan praSUKMA memabitkan 15 jenis sukan daripada 24 acara dipertandingkan.

"Kita harap semuanya akan berjalan lancar kerana hanya tinggal 48 hari sebelum SUKMA bermula.

Pra-Sukma ini bertujuan menguji sistem gelanggang pertandingan, peralatan sukan dan ujian untuk pegawai sukan yang terbabit dalam mengendalikan SUKMA kali ini," katanya. -BERNAMA